

Cabaran Pelajar Kelainan Upaya Masalah Penglihatan (OKUMP) dalam Mempelajari Ilmu Qiraat di Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

Challenges of Visually Impaired Students (OKUMP) in Learning the Knowledge of Qiraat at Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

Noraini Farhanah bt. Ismail* & Abd Rahman bin Abd Ghani

Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjung Malim, Perak Malaysia

*Corresponding author: m20212003406@siswa.upsi.edu.my

Received: 14 Jun 2024; Accepted: 22 July 2024; Published: 28 October 2024

To cite this article (APA): Ismail, N. F., & Abd Ghani, A. R. (2024). Challenges of Visually Impaired Students (OKUMP) in Learning the Knowledge of Qiraat at Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). *AL-MAKRIFAH Journal of Knowledge and Learning in Islamic Tradition and Culture*, 2(2), 110–118. <https://doi.org/10.37134/almakrifah.vol2.2.9.2024>

Abstrak

Darul Quran JAKIM merupakan satu institusi pengajian tahfiz yang banyak melahirkan para pelajar menghafal al-Quran dengan kurikulum yang sistematik. Menariknya, para pelajar dan graduan di institusi ini turut meliputi golongan orang kurang upaya (OKU). Walau bagaimanapun, pelajar Kelainan Upaya Masalah Penglihatan (OKUMP) di Darul Quran, JAKIM merupakan golongan minoriti yang mempelajari ilmu Qiraat. Pelajar OKUMP yang mengikuti program Diploma Tahfiz wal Qiraat perlu mempelajari ilmu Qiraat di semester satu dan dua. Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti cabaran yang dihadapi oleh OKUMP dalam mempelajari ilmu Qiraat. Pengkaji menggunakan metode kajian iaitu kualitatif melalui temubual secara atas talian bagi mengetahui cabaran yang dihadapi oleh pelajar OKUMP dalam mendalami ilmu Qiraat. Seramai 16 orang responden yang terdiri daripada pelajar dan alumni OKUMP Darul Quran telah memberi respon dan kerjasama yang baik sepanjang kajian dijalankan. Hasil kajian mendapati tiga cabaran utama yang dihadapi oleh pelajar OKUMP dalam memahami ilmu Qiraat iaitu kitab Qiraat Braille, asas Bahasa Arab dan kaedah pengajaran guru. Pelajar OKUMP perlu diberi perhatian lebih berbanding dengan pelajar normal yang lain agar ilmu Qiraat dapat difahami dengan baik oleh mereka.

Kata Kunci: Pelajar Kelainan Upaya Masalah Penglihatan, cabaran, ilmu Qiraat

Abstract

Visually Impaired Students (OKUMP) Darul Quran, JAKIM, is a group that studies the science of Qiraat. OKUMP students in the Tahfiz wal Qiraat Diploma program must learn the science of Qiraat in semesters one and two. This study aims to identify the challenges faced by OKUMP in understanding the science of Qiraat. The researcher used a qualitative study method through online interviews to discover the obstacles OKUMP students face in deepening their knowledge of Qiraat. Sixteen respondents, including OKUMP Darul Quran students and

alumni, selected and cooperated well throughout the study. The study found three main challenges OKUMP students face in understanding the science of Qiraat: the Braille Qiraat book, the basics of Arabic, and the teacher's teaching method. OKUMP students need to be given more attention than average students to understand their knowledge of Qiraat well.

Keywords: Visually Impaired Students, challenges, knowledge of Qiraat

Pendahuluan

Ilmu Qiraat merupakan satu bidang keilmuan dalam dunia pendidikan masa kini. Ilmu Qiraat yang merupakan disiplin ilmu al-Quran sudah mulai dipelajari oleh masyarakat di Malaysia khususnya yang berkecimpung dengan dunia Pendidikan al-Quran. Menurut Sabri Mohamad (2016), ilmu qira'at ini tidak akan terhasil penguasaannya melainkan dengan melalui talaqqi dan periwayatan pendengaran daripada Rasulullah SAW sendiri. Antara dalil yang membuktikan ilmu Qiraat adalah sebahagian daripada cabang ilmu al-Quran yang perlu diketahui oleh umat Islam telah disebutkan dalam firman Allah S.W.T dalam Surah an-Najm ayat 3-5:

وَمَا يَنْطِقُ عَنِ الْهَوَىٰ (٣) إِنَّ هُوَ إِلَّا وَحْيٌ يُوحَىٰ (٤) عَلَّمَهُ شَدِيدُ الْقُوَىٰ (٥)

Maksudnya: “Dan dia (Nabi Muhammad s.a.w) tidak memperkatakan (sesuatu yang berhubung dengan agama Islam) menurut kemahuan dan kehendaknya sendiri (3) Segala yang diperkatakannya itu (samada al-Quran atau hadis) tidak lain hanyalah wahyu yang diwahyukan kepadanya (4) Wahyu itu disampaikan dan diajarkan kepadanya oleh malaikat Jibril a.s yang amat kuat gagah (5)

Menurut Intan Dahlia (2011), perkembangan ilmu Qiraat kini sudah semakin meluas pengajiannya di Malaysia. Walau bagaimanapun, ilmu ini masih dianggap ilmu baharu oleh masyarakat umum. Sedangkan mereka tidak mengetahui bahawa cara bacaan yang mereka amalkan pada setiap hari merupakan salah satu cabang ilmu Qiraat tujuh yang antaranya ialah riwayat Hafs daripada ‘Asim (Muhammad Zaid, Mohamad Redha & Muhammad Firdaus, 2020).

Dalam hal ini, bukan masyarakat yang mempunyai pancaindera yang normal sahaja mempelajari ilmu Qiraat akan tetapi orang yang kelainan upaya (OKU) juga turut berminat untuk mendalami ilmu tersebut termasuklah Pelajar Kelainan Upaya Masalah Penglihatan (OKUMP) di Darul Quran JAKIM. Pelajar OKUMP yang mengambil Diploma Tahfiz al-Quran wal Qiraat akan mempelajari ilmu Qiraat pada semester satu dan dua (Noornajihan et al. 2021). Namun begitu, terdapat beberapa cabaran yang dihadapi oleh pelajar OKUMP dalam mempelajari ilmu Qiraat yang akan dibincangkan dalam kajian ini.

Situasi ini menunjukkan bahawa Darul Quran bukan sahaja mengambil pelajar daripada golongan yang celik mata sahaja malah pelajar yang mempunyai kelainan upaya masalah penglihatan (OKUMP) juga diterima. Kewujudan pelajar OKUMP bukanlah perkara baharu bagi Darul Quran malah bermula sejak Disember 2008. Pihak Darul Quran telah menawarkan Sijil Tahfiz al-Quran kepada 18 orang calon pelajar OKUMP. Mereka terdiri daripada 10 pelajar lelaki dan 8 orang pelajar perempuan. Setelah itu mereka ditawarkan mengikuti program Diploma Tahfiz al-Quran wal Qiraat pada Mei 2010 dan seramai lapan orang telah berjaya melayakkan diri (Noornajihan et al. 2016). Sepanjang pengajian Diploma ini mereka akan mempelajari asas ilmu Qiraat bersama-sama pelajar normal yang lain. Oleh itu, di sinilah

bermulanya cabaran pelajar OKUMP bagi memahami ilmu Qiraat yang dipelajari (Ahmad Qusairy, temubual 2024).

Latar Belakang Kajian

Pelajar Kelainan Upaya Masalah Penglihatan (OKUMP) merupakan pelajar yang mempunyai masalah penglihatan dan memerlukan alat sokongan atau bantuan bagi menjalankan aktiviti seharian terutamanya aktiviti pembacaan (Rumizah, 2010). Masalah penglihatan secara umumnya boleh dikategorikan sebagai 'buta' dan 'rabun atau penglihatan yang terhad' (Asiah, 2012). Golongan ini sebahagiannya ada yang boleh melihat tetapi tidak sejelas pelajar normal dan ada juga yang sememangnya tidak boleh melihat langsung serta memerlukan alat bantuan untuk membaca seperti 'Braille' atau melantik seseorang untuk menjadi pembaca kepada mereka (Ahmad Yunus, 2016).

Kaedah pembacaan al-Quran bagi pelajar OKUMP adalah dengan menggunakan al-Quran Braille. Ia merupakan medium yang sangat membantu pelajar OKUMP untuk membaca ayat-ayat suci al-Quran (Ahmad Yunus, 2016). Namun begitu, terdapat kekangan bagi mereka untuk mempelajari ilmu Qiraat dan membaca al-Quran dengan riwayat imam-imam qiraat selain bacaan imam Hafs daripada 'Asim kerana al-Quran yang mempunyai Qiraat masih belum ada cetakan dalam Braille (Ahmad Qusairy, temubual 2024).

Di dalam al-Quran Braille terdapat kod asas bahasa arab yang menunjukkan huruf-huruf Hija'yyah, tanda baris seperti *fathah*, *dhammah* dan *kasrah*. Terdapat juga simbol-simbol seperti *syaddah*, *sukun* dan *mad* (Ahmad Yunus, 2016). Manakala cara bacaan yang terdapat dalam ilmu Qiraat seperti *isymam*, *raum*, *taqlil*, *imalah*, *saktah* dan sebagainya tiada tanda khusus di dalam al-Quran Braille. Hal ini kerana kaedah bacaan ini perlu dipelajari secara *talaqqi musyafahah* di hadapan guru. Walau bagaimanapun, pelajar OKUMP ini mempunyai penglihatan yang terbatas dan mereka tidak dapat melihat cara guru menyebut *isymam* dan *raum* secara tepat (Ahmad Qusairy, temubual 2024).

Permasalahan Kajian

Secara amnya, perkembangan ilmu Qiraat di Malaysia menjadi tumpuan pengkaji lebih-lebih lagi apabila terdapat pelajar OKUMP yang mempelajarinya. Kajian terhadap tahap kefahaman ilmu Qiraat banyak dijalankan ke atas pelajar normal. Pelajar universiti di Malaysia yang mempelajari ilmu Qiraat kebanyakannya terdiri daripada pelajar normal walaupun terdapat juga pelajar OKUMP tetapi jumlahnya adalah sedikit seperti mana yang terdapat di Darul Quran, JAKIM. Oleh kerana terdapat golongan minoriti di Malaysia ini yang mempelajari ilmu Qiraat, pengkaji berminat ingin mengetahui tahap pengetahuan asas ilmu Qiraat yang telah mereka capai sepanjang 2 semester di Darul Quran.

Di luar negara seperti Mesir, suasana pembelajaran ilmu Qiraat telah diajar kepada murid-murid sejak sekolah rendah lagi. Mereka didedahkan dengan ilmu al-Quran seperti ilmu Qiraat, tafsir al-Quran, *rasm* al-Quran dan lain-lain lagi. Oleh itu, terdapat ramai ulama' dan cendekiawan yang pakar dalam ilmu Qiraat ini berasal dari negara Arab. Hal ini kerana, bahasa arab merupakan bahasa ibunda mereka (Ahmad Qusairy, temubual 2024). Pelajar OKUMP tidak mempelajari ilmu seperti itu sewaktu di sekolah rendah dan menengah. Bahkan, kurang penguasaan asas bahasa Arab juga merupakan salah satu cabaran yang dihadapi oleh pelajar OKUMP dalam memahami istilah-istilah ilmu Qiraat yang kebanyakannya dalam bahasa Arab.

Justeru dalam kajian ini, pelajar OKUMP menghadapi beberapa cabaran untuk mempelajari ilmu Qiraat, antaranya buku rujukan Qiraat masih belum ada cetakan berbentuk Braille. Malah, melalui kajian-kajian terkini seperti yang dicadangkan oleh Zetty Nurzuliana Rashed, Mohd Izzuddin Mohd Pisol, Hazlin Falina Rosli, Zur'ain Harun & Azmi Azwan Mohammad Azmi (2021), memerlukan suatu pembinaan model pengajaran dan pembelajaran al-Quran Braille yang praktikal. Hal ini kerana, pertambahan jumlah pelajar OKUMP akan meningkat dari tahun ke tahun.

Selain itu, kaedah pengajaran guru merupakan cabaran bagi OKUMP dalam memahami isi kandungan pelajaran kerana kelas mereka bercampur dengan pelajar normal. Menurut Ahmad Yunus (2016), antara kekangan yang dihadapi berkaitan pengajaran guru dalam pembelajaran al-Quran Braille di kompleks Malaysian Association for Blind (MAB) adalah dari sudut masa pengajaran yang terhad bagi seseorang pelajar terutamanya yang keperluan khas. Hal ini termasuklah kekurangan tenaga pengajar yang mampu untuk mengajar pelajar berkenaan. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti cabaran-cabaran pelajar kelainan upaya masalah penglihatan (OKUMP) di Darul Quran JAKIM dalam memahami asas ilmu Qiraat.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif. Data kajian diperolehi melalui temu bual separa struktur. Kaedah ini digunakan disebabkan pelajar OKUMP tidak boleh membaca soalan yang diberikan di atas kertas dan menanda jawapan di kotak yang telah disediakan. Oleh itu, proses menemu bual responden dan menandakan jawapan dalam borang yang disediakan telah dilaksanakan secara atas talian. Perkembangan teknologi maklumat yang pesat kini telah memudahkan proses temu duga dilaksanakan secara atas talian. Kajian sebelum ini telah menunjukkan temu duga dalam talian secara *synchronous* tidak banyak perbezaan dengan temu duga secara bersemuka kerana perkataan yang digunakan adalah sama serta ciri-ciri yang dikehendaki oleh penyelidik boleh dilihat secara terus (Asha Hasnimy, Halijah, Norlita & Norhila, 2021).

Kajian ini dijalankan dalam kalangan pelajar OKUMP di Darul Quran, JAKIM. Pemilihan responden menggunakan kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*). Responden terdiri daripada pelajar OKUMP yang sedang berada di Darul Quran, JAKIM iaitu dua orang responden dan 14 orang bekas pelajar (alumni) Diploma Tahfiz al-Quran wal Qiraat. Bilangan responden adalah seperti berikut:

Jadual 1: Jumlah Responden Kajian

Perkara	Pelajar	Alumni
Diploma Tahfiz al-Quran wal Qiraat (OKUMP)	2 orang	14 orang

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Keterbatasan pelajar OKUMP dalam membaca dan menganalisis setiap maklumat yang diterima menyebabkan mereka menghadapi cabaran dalam memahami isi pembelajaran ilmu Qiraat. Hasil temubual bersama 16 orang responden, kajian mendapati tiga cabaran utama yang dihadapi iaitu ketiadaan kitab Qiraat braille, asas Bahasa Arab dan kaedah pengajaran guru. Dapatan kajian adalah seperti berikut:

Pertama: Kitab Qiraat Braille

Istilah Braille diasaskan oleh seorang warga Perancis yang bernama Louis Braille. Beliau mempunyai masalah penglihatan dan pada sekitar abad ke-19M, beliau telah menghasilkan asas penulisan Braille dengan menggunakan titik timbul bagi menggantikan huruf dan nombor yang dipanggil sel (*cell*) yang mempunyai enam titik dan dikenali sebagai kod Braille. Setelah itu, Valentin Haul telah menggunakan kod ini bagi menggantikan penggunaan buku berhuruf timbul berasaskan wayar tembaga yang telah diperkenalkan olehnya (Fakrul Razi & Rozniza Zaharudin, 2021).

Al-Quran dan Braille jika digabungkan maka terhasillah Mushaf Al-Quran Braille yang menggunakan asas kod Braille Bahasa Arab yang mewakili huruf *hijaiyyah*, tanda baris dan simbol-simbol di dalam al-Quran (Noornajihan & Kauthar Abd Kadir, 2008). Perkembangan al-Quran Braille telah dipelopori oleh Persatuan Orang-Orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) yang telah mendapat pengiktirafan peringkat kebangsaan. Satu-satunya al-Quran Braille yang telah mendapat pengiktirafan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Kementerian Dalam Negeri (KDN) adalah penerbitan edisi al-Quran Braille (kod Braille Bahasa Arab Gred 1) yang bersumberkan Al-Quran Braille terbitan Indonesia (Fakrul Razi & Rozniza Zaharudin, 2021).

Kewujudan al-Quran Braille sangat banyak membantu golongan OKUMP mengenali isi kandungan dan membaca Al-Quran. Ilmu Qiraat adalah salah satu cabang ilmu al-Quran yang merupakan fardhu kifayah bagi umat Islam dalam mempelajarinya. Oleh itu, tidak berkecuali pelajar OKUMP di Darul Quran juga untuk memahami ilmu Qiraat ini di peringkat Diploma. Namun begitu, pengkaji mendapati mereka menghadapi beberapa cabaran sewaktu mendalami disiplin ilmu ini. Kajian ini mendapati cabaran pertama yang dihadapi oleh pelajar OKUMP dalam memahami ilmu Qiraat adalah kitab Qiraat tiada dalam braille. Kitab yang digunakan oleh pihak Darul Quran JAKIM dalam mengajarkan ilmu Qiraat adalah Kitab *'Taqrribul Ma'ani Fi Sharh Hirzil Amani Fil Qira'ah Sab'i'* karangan Sayyid Lasheen Abul Farah dan Dr. Khalid bin Muhammed al-'Ilmi cetakan Pustaka Dar al-Zaman. Kitab ini adalah cetakan biasa dan belum ada cetakan rasmi dalam braille.

Di Darul Quran JAKIM, pelajar OKUMP mempelajari ilmu Qiraat bersama-sama dengan pelajar yang celik. Justeru itu, mereka adalah golongan minoriti dan memerlukan bantuan rakan lain dalam menerangkan hasil pembelajaran. Kitab *Taqrribul Ma'ani* telah disalin semula dalam braille oleh beberapa orang individu tetapi masih belum lengkap. Mereka juga membuat sendiri nota Qiraat dan meminta bantuan pelajar Sarjana Muda al-Quran dan as-Sunnah (USIM-DQ) untuk mencetaknya dalam braille. Ini dinyatakan oleh responden kajian seperti berikut:

"...saya batch pertama yang ambil Diploma Tahfiz Quran wal Qiraat, jadi kami perlu salin semula Kitab Taqrribul Ma'ani dalam Braille dari kulit ke kulit tetapi silibus untuk semester satu dan dua sahaja" (Kotrun Nada, 2010-2013)

"...sumber rujukan ilmu qiraat terhad untuk golongan OKUMP"(Nur Farah Alia, 2018-2021)

"...kitab Taqrrib al-Ma'ani tidak ada dalam Braille dan tanda-tanda bacaan Qiraat juga tiada seperti isyam, ibdal, raum"(Abd Majid, 2010-2013)

Majoriti responden memberikan respon yang sama terhadap cabaran utama mereka dalam mempelajari ilmu Qiraat iaitu bahan utama atau sumber rujukan utama ilmu Qiraat yang tiada dalam Braille. Oleh itu, mereka hanya mendengar sahaja guru mengajar dan bertanya dengan rakan sekelas sekiranya tidak faham. Hal ini menyebabkan minat mereka terhadap ilmu Qiraat semakin berkurang. Mereka perlu berusaha lebih banyak berbanding pelajar normal ketika ingin mendalami ilmu ini. Mereka juga berusaha untuk membantu rakan OKUMP yang lain dengan menyalin semula nota Qiraat dalam braille dengan bantuan pelajar Ijazah Sarjana Muda al-Quran wa Sunnah (USIM-DQ). Ini kerana pelajar Ijazah telah mempelajari kemahiran asas penulisan braille di dalam silibus mereka jadi sedikit sebanyak dapat membantu pelajar OKUMP menyalin nota dalam braille (Ahmad Qusairy, temubual 2024).

Kedua: Asas Bahasa Arab

Bahasa Arab adalah bahasa yang istimewa kerana bahasa Arab adalah bahasa yang digunakan di dalam al-Quran. Selepas kedatangan Islam, bahasa Arab diperluaskan kemampuannya menjadi bahasa pentadbiran, bahasa ilmu pengetahuan, peradaban dan komunikasi. Bahasa Arab juga merupakan bahasa ibadat dalam Islam seperti yang telah dinyatakan oleh Dr. Muhamad Mazin al-Mobarak dalam sebuah artikel Mohd Alwee dan Mohamad Azrien (2008):

“...Anda tidak akan menemui suatu bahasa pun yang betul-betul berkait dengan ‘aqidah seperti bahasa Arab, kerana ia adalah bahasa al-Qur’an yang merupakan bahasa ‘ibadat: oleh itu ianya merupakan wadah yang sebenarnya untuk memahami al-Quran dan Sains yang terbit daripadanya...”

Pencapaian dan penguasaan bahasa Arab dalam kalangan pelajar sekolah mahupun pelajar institusi pengajian tinggi masih tidak memuaskan dan belum mencapai tahap yang diinginkan. Faktor suasana bahasa Arab yang tidak memotivasikan pelajar menjadi punca tahap penguasaan mereka terhadap bahasa Arab tidak meningkat (Abdul Hakim, Ab. Aziz & Wan Ismail, 2015).

Bagi pelajar Program Pendidikan Khas Intergrasi (PPKI) telah dilaksanakan Program j-QAF (Jawi, al-Quran, bahasa Arab & Fardu Ain) yang diperkenalkan oleh mantan Perdana Menteri Malaysia iaitu Tun Abdullah Ahmad Badawi pada tahun 2005. Subjek yang diajar kepada murid Berkeperluan Khas masalah penglihatan adalah Model Pelajaran Jawi, Model Tilawah al-Quran, Model Bahasa Arab dan Model Amali Solat (Abdul Hakim, Ab. Aziz & Wan Ismail, 2015). Subjek Pendidikan Islam adalah subjek yang wajib diajarkan kepada murid PPKI yang beragama Islam menurut Akta Pendidikan 1996 (akta 550) seksyen 50 (Azman, Syed Salim, Nurul Nadia, Muhd Faiz & Afaf, 2021).

Namun begitu, model bahasa Arab yang dipelajari oleh OKUMP adalah bahasa Arab yang asas sahaja. Manakala, bahasa Arab yang digunakan dalam kitab-kitab ilmu Qiraat adalah bahasa Arab yang agak tinggi penggunaan bahasanya. Oleh yang demikian, mereka agak sukar memahami pembelajaran ilmu Qiraat kerana kitab yang digunakan sepenuhnya dalam bahasa Arab. Penggunaan istilah-istilah ilmu qiraat yang banyak juga menyebabkan mereka menganggap subjek ilmu Qiraat adalah subjek yang amat sukar untuk mereka fahami. Antara respon yang diberikan adalah:

“...kurang menguasai bahasa arab sangat memberi kesan terhadap topik yang dipelajari”(Muhammad Firdaus, 2010-2013)

“...sukar membezakan bacaan antara imam qiraat dan sukar memahami istilah-istilah dalam ilmu qiraat” (Kotrun Nada, 2010-2013)

“...keliru dalam menghafaz matan kerana tidak faham bahasa arab” (Siti Athirah, 2024)

“...sukar memahami ilmu qiraat kerana tidak pernah belajar sejak sekolah menengah”(Nur Basyirah, 2018-2021)

Ilmu Qiraat adalah ilmu yang berkait rapat dengan pembacaan al-Quran. Oleh itu, bahasa Arab adalah bahasa utama dalam memahami disiplin ilmu ini. Sumber rujukan juga kebanyakannya berasal dari Semenanjung Tanah Arab seperti Arab Saudi. Kitab-kitab ilmu Qiraat yang berasal dari bahasa Arab kini telah banyak diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu. Akan tetapi, belum ada cetakan rasmi mana-mana kitab Qiraat dalam Braille oleh pihak yang berautoriti.

Penggunaan istilah-istilah ilmu Qiraat seperti *Qasr*, *Tawasut*, *Isyba'*, *Idkhal*, *Taqlil*, *Imalah*, *Ibdal* dan lain-lain lagi adalah tidak sama maksudnya dalam ilmu tajwid. Hal ini menyebabkan pelajar OKUMP agak keliru dengan istilah yang digunakan ketika ingin membaca riwayat imam-imam tertentu (Ahmad Qusairy, temubual 2024).

Ketiga: Kaedah Pengajaran Guru

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang diperkenalkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) amat menekankan kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Abad ke-21 (PAK21) dengan memainkan peranan guru sebagai pemudahcara. Kaedah Pengajaran dan Pemudahcaraan (PDPC) dengan menggunakan Intergrasi Teknologi sangat membantu dalam menambah baik teknik PdP dan merupakan salah satu kaedah Pembelajaran Abad ke-21 (PAK-21) (Azman, Syed Salim, Nurul Nadia, Muhd Faiz & Afaf, 2021).

Kaedah yang sering digunakan oleh guru dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) ilmu Qiraat adalah menggunakan kaedah tradisional. Kaedah ini lebih kepada berpusatkan guru dengan cara guru membaca kitab dan menerangkan isi kandungan pelajaran di hadapan kelas manakala pelajar mencatat isi-isi penting dan bertanyakan soalan sekiranya tidak faham. Kaedah ini juga digunakan semasa PdP ilmu Qiraat di Darul Quran. Pelajar OKUMP diletakkan bersama dengan pelajar normal yang lain di dalam kelas Ilmu Qiraat. Mereka digabungkan kerana bilangan mereka yang sangat sedikit.

Guru menerangkan istilah-istilah ilmu Qiraat dan cara sebutan kalimah yang perlu dibaca dengan cara *isymam*, *raum*, *imalah* dan sebagainya melalui kaedah *talaqqi musyafahah*. Walau bagaimanapun, ia sukar bagi pelajar OKUMP untuk melihat pergerakan mulut guru tersebut kerana masalah penglihatan yang mereka hadapi. Oleh sebab itu, mereka tidak dapat menyebut secara tepat bagaimana kaedah bacaan tersebut. Antara respon yang mereka berikan adalah:

“...saya tidak dapat melihat bagaimana guru menunjukkan bacaan isyamm, raum, imalah dan sebagainya”(Nur Farah Alia, 2018-2021)

“...praktikal atau amali ilmu qiraat sukar dirujuk melalui al-Quran Braille kerana lain format”(Nur Amirah, 2017-2020)

Pelajar OKUMP merupakan pelajar yang minoriti di dalam kelas. Oleh itu, guru perlu memberi tumpuan yang lebih kepada golongan ini supaya tidak berlaku kecaciran. Kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) perlulah seimbang dan bersesuaian dengan keperluan pelajar. Guru boleh membuat kelas khusus untuk pelajar OKUMP talaqqi secara musyafahah pada waktu yang lain iaitu selepas waktu kelas supaya mereka dapat mempraktikkan bacaan Qiraat seperti yang diajarkan oleh guru kepada pelajar normal yang lain secara intensif. Selari dengan hasrat KPM dalam PPPM 2013-2025, para guru perlu lebih kreatif dan melaksanakan pelbagai kaedah serta teknik yang bersesuaian dengan kondisi pelajar sebelum memulakan kelas bagi memastikan kelancaran proses PdP (Azman, Syed Salim, Nurul Nadia, Muhd Faiz & Afaf, 2021).

Kesimpulan

Dalam kajian ini, dapat disimpulkan bahawa pelajar OKUMP mempunyai minat dalam mempelajari ilmu Qiraat seperti pelajar normal yang lain. Akan tetapi, kekangan yang mereka hadapi menyebabkan minat itu semakin berkurang. Hasil daripada dapatan kajian ini banyak penambahbaikan yang perlu dilaksanakan oleh pelbagai pihak terutamanya pihak Darul Quran dari semasa ke semasa. Cabaran utama yang dihadapi oleh pelajar OKUMP perlu diambil berat dan berusaha untuk bekerjasama dengan pihak yang berautoriti bagi menghasilkan Kitab Qiraat Braille dan dijadikan sebagai rujukan utama bagi pelajar OKUMP di Darul Quran. Kolaborasi boleh dilaksanakan bersama pihak Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) dalam menghasilkan kitab khusus ilmu Qiraat dalam Braille dan dikomersialkan dalam pasaran tempatan agar lebih ramai OKUMP di luar sana dapat mempelajari ilmu Qiraat. Penguasaan asas bahasa Arab pelajar OKUMP perlu diperkukuhkan secara berperingkat. Pelaksanaan program-program yang boleh melatih mereka untuk mempraktikkan penggunaan bahasa arab dalam kehidupan seharian boleh dilaksanakan secara berkala. Namun mereka perlu membiasakan lidah dengan istilah-istilah ilmu Qiraat yang berbeza maknanya dengan ilmu tajwid walaupun perkataanya sama dalam bahasa Arab. Kaedah menghafal matan Qiraat dengan menggunakan lagu merupakan salah satu kaedah yang sangat mudah dan menarik untuk dipraktikkan.

Kaedah penyampaian guru dalam sesi pengajaran dan pembelajaran ilmu Qiraat perlu ditambah baik dari masa ke masa agar selari dengan hasrat KPM dalam PPPM 2013-2025. Guru perlu memberi tumpuan lebih banyak kepada pelajar OKUMP sewaktu sesi PdP berjalan. Guru juga perlu sentiasa mengambil berat tentang keperluan pelajar OKUMP dan membantu meningkatkan pengetahuan dan pemahaman mereka dalam ilmu Qiraat. Pelajar OKUMP perlu dilibatkan dalam proses talaqqi *musyafahah* bersama guru ketika praktikal bacaan ayat al-Quran secara khusus di dalam kelas. Kelas tambahan bagi amali Qiraat juga boleh dilaksanakan sekiranya perlu. Secara ringkasnya, semua pihak perlu bekerjasama dalam meningkatkan pengetahuan asas ilmu Qiraat bagi pelajar OKUMP samada dari dalam atau luar institusi. Sokongan yang padu perlu diberikan kepada mereka agar ilmu Qiraat ini dapat disebar luas ke seluruh institusi pengajian yang ada di Malaysia.

Rujukan

- Abdullah, A. H. B., Sulaiman, A. A. B., & Abdullah, W. I. B. W. (2015). Faktor-faktor yang mempengaruhi motivasi terhadap pembelajaran bahasa Arab. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 10, 104.
- Adnan, M. F. R. B., & Zaharudin, R. (2021). The Importance of Al-Quran E-Braille on Improving the Achievement of Students with Special Needs with Visual Impairment: Kepentingan Al-Quran E-Braille terhadap peningkatan pencapaian Murid Berkeperluan Khas Masalah Penglihatan. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 14(2), 19-27.
- Ahmad Yunus Mohd Noor (2016). Cabaran dalam pengajaran dan pembelajaran al-Qur'an Braille di Kompleks Malaysian Association for the Blind (MAB). *Islamiyyat* 38(1), 15-24.
- Asiah Ahmad. (2012). *Mengenal dan Menangani Orang Kurang Upaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).
- Harun, S. I. D. M. (2011). Perkembangan Ilmu Qiraat di Malaysia dan Keperluannya di Institusi Pengajian Tinggi. In *Seminar Qiraat Peringkat Kebangsaan UIAM*, 19-20.
- Hashim, A. H. M., Ibrahim, H., Hassan, N., & Zait, N. M. (2021). Pelaksanaan Temubual Dalam Talian Bagi Calon Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) UTM: Online Interview Implementation for Bachelor of Education Candidates (ISMP) UTM. *Sains Insani*, 6(1), 227-231.
- Jaafar, N. N., & Kadir, K. A. (2008). Pengajaran Braille al-Quran di Malaysia: Sejarah dan perkembangannya. In *Prosiding Seminar Warisan al-Quran dan Hadis Nusantara*, 221-228.
- Jaafar, N., Raus, N. M., Toure, A. K., Ahmad, A. M., Rasdi, M. N. A., & Muhamad, N. A. F. (2016). Faktor yang mempengaruhi pencapaian pelajar berkeperluan khas (penglihatan) dalam menghafaz al-Quran: Kajian di Darul Quran, JAKIM. *Journal of Ma alim Al-Quran Wa Al-Sunnah* 11 (12), 109-127.
- Muhammad Zaid Shamshul Kamar, M. Z., Mohamad, M. R., & Abdul Manaf, M. F. (2020). Sejarah Pembelajaran Ilmu Qiraat Di Darul Quran: Satu Pemerhatian. *Jurnal Qiraat*. 3(1), 15-36.
- Noor, M., & Yunus, A. (2016). Cabaran dalam Pengajaran dan Pembelajaran al-Qur'an Braille di Kompleks Malaysian Association for the Blind (MAB). *Islāmiyyāt: International Journal of Islamic Studies*, 38(1), 15-24.
- Rahman, A. A., Shamsuddin, S. S. S., Nozlan, N. N., Shakor, M. F. A., & Sukari, A. (2021). Pandemik COVID-19: cabaran pengajaran dan pembelajaran (pdp) pendidikan Islam dalam pendidikan khas bagi pelajar orang kurang upaya (oku) masalah pembelajaran di Malaysia. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs* 5 (1), 46-63.
- Sabri Mohamad (2016). Pengaruh ilmu qira'at dalam pengajian Islam. *Jurnal al-Turath* 1(1), 1-12.
- Temubual bersama Ahmad Qusairy bin Mat Zizi, Alumni Darul Quran JAKIM, 4 Mac 2024. www.moe.gov.my (Portal Rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia).
- Yusoff, M. A., & Adnan, M. A. M. (2008). Bahasa Arab Sebagai Bahasa Ilmudan Peradaban: Satu Kajian dari Sudut Keistimewaannya. *Jurnal Usuluddin*, 27, 157-167.
- Zetty Nurzuliana Rashed, Mohd Izzuddin Mohd Pisol, Hazlin Falina Rosli, Zur'ain Harun & Azmi Azwan Mohammad Azmi (2021). Penelitian terhadap pengajaran dan pembelajaran al-Quran braille: Satu Analisis. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs* 5, 71-79.